

05/12/2000

Pendidik ekstrimis Cina anti perpaduan

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan pendidik ekstrimis Cina yang menolak konsep Sekolah Wawasan sebagai penentang proses menyatupadukan rakyat pelbagai kaum di negara ini.

Perdana Menteri berkata, mereka bukan mempertahankan bahasa Cina atau pelajaran dalam bahasa Cina tetapi sengaja membangkitkan isu itu supaya dapat menghalang perpaduan di kalangan masyarakat majmuk.

Golongan itu, katanya, seolah-olah tidak mengaku mereka adalah rakyat Malaysia dan perlu berdamping dengan rakyat Malaysia daripada keturunan lain. "Mereka hendak supaya segala-galanya diasingkan. Sekolah-sekolah Cina diasingkan daripada sekolah lain sehingga sekolah Cina menjadi sekolah asing, bukan sekolah dalam Malaysia.

"Sekolah Cina di Malaysia adalah sekolah Malaysia walaupun mengguna bahasa Cina sebagai bahasa pengantar. Segala percubaan untuk mengasingkan orang Cina daripada kaum lain adalah sesuatu yang menghalang perpaduan rakyat berbilang kaum.

"Ini yang saya buat teguran dan teguran ini dituju kepada kumpulan kecil ini. Bilangan mereka tidak begitu ramai tetapi cara mereka bertindak seolah-olah nak mengugut kerajaan," katanya selepas melancarkan perkhidmatan Internet Arcnet NTT MSC, di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas saranan Naib Presiden MCA, Datuk Chua Jui Meng, yang meminta semua pihak terutama pemimpin Barisan Nasional (BN) membincang semula konsep Sekolah Wawasan kerana isu itu cukup besar dan sensitif bagi masyarakat Cina.

Kelmarin, Chua dilaporkan berkata, berdasarkan maklum balas yang dikumpul selepas pilihan raya kecil Lunas Rabu lalu, kebanyakan pengundi Cina menjadikan isu itu sebagai alasan mereka sukar mengundi BN.

Dong Jiao Zhong, kumpulan yang mewakili lembaga sekolah dan persatuan guru sekolah Cina di negara ini menentang konsep Sekolah Wawasan - penempatan tiga sekolah berlainan aliran dalam satu kawasan dengan berkongsi kemudahan asas seperti padang permainan, dewan perhimpunan dan kantin.

Dr Mahathir menegaskan, kerajaan akan meneruskan Sekolah Wawasan ke arah menyatupadukan rakyat negara ini sejak di peringkat sekolah.

"Kita berpendapat Sekolah Wawasan tidak menghalang kemajuan sekolah Cina di Malaysia. Konsep Sekolah Wawasan adalah untuk perpaduan rakyat, tidak ada kena mengena dengan bahasa Cina, sekolah Cina," katanya.

Beliau berkata, kerajaan sudah memberi jaminan mengenai perkara itu bahkan sudah meminda Akta Pendidikan bagi menarik balik kuasa Menteri Pendidikan untuk menukar sekolah Cina kepada sekolah kebangsaan.

"Ini telah kita lakukan dulu (pindaan akta itu) atas desakan puak-puak ini juga. Kita percaya dengan pindaan itu masalah tidak akan timbul lagi.

"Tetapi puak ekstrimis ini, puak pendidik ekstrimis Cina ini, saya tak kata kepada orang Cina lain, sengaja membangkitkan isu ini supaya mereka dapat menghalang perpaduan di kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sedar terdapat keperluan untuk mendirikan banyak sekolah Cina baru kerana pertambahan bilangan penduduk daripada keturunan Cina.

"Jadi kita kena ada sekolah dan pada masa yang sama kita fikir masa depan negara kita iaitu rakyat pelbagai kaum dapat mula hidup bersama di peringkat sekolah lagi.

"Dengan itu kita dapat menjalinkan hubungan baik antara rakyat berbilang kaum dalam negara ini," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau akan terus menegur golongan ekstrimis di negara ini, sama ada daripada kaum Melayu, Cina atau India kerana Malaysia tidak mempunyai tempat kepada ekstrimis.

Kerajaan, katanya, tidak akan membatalkan Sekolah Wawasan sebagaimana ia tidak membatalkan rancangan supaya pelajar universiti daripada pelbagai kaum di negara ini tinggal bersama kerana ia juga sebahagian proses integrasi.

(END)